

40,000 banjiri karnival pendidikan UTHM

BATU PAHAT 5 Mac - Kira-kira 40,000 pengunjung pelbagai lapisan umur membanjiri Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Zon Selatan yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini baru-baru ini.

UTHM dalam satu kenyataan memaklumkan, kedatangan lebih 15,000 pengunjung direkod pada hari pertama penganjuran pada 25 Februari lalu bertempat di padang kawad universiti berkenaan, diikuti baki pengunjung pada hari terakhir karnival itu keesokan harinya.

“Karnival itu bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang, antara daya tarikan karnival ini ialah penyediaan simulasi penerbangan di ruang pameran dan pameran learjet di tapak karnival yang dibawakan khas untuk tontonan para pengunjung.

“Ini bagi mempromosikan program akademik yang terdapat di UTHM iaitu program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik bagi Penerbangan Profesional dan Penyelenggaraan Pesawat Terbang dengan kepujian yang merupakan program pertama seumpamanya di negara ini diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),” demikian menurut kenyataan tersebut hari ini.

Majlis perasmian KPTN 2017



RIBUAN pengunjung membanjiri ruang pameran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2017 Zon Selatan di UTHM, Batu Pahat, baru-baru ini.

Zon Selatan dilakukan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Ir. Jamilus Md. Hussin serta dihadiri Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapzir dan Timbalan Naib Canselor UTHM yang menjalankan fungsi Naib Canselor, Prof. Dr. Wahid Razzaly.

KPTN 2017 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi melibatkan tujuh zon bermula pada 11 Februari hingga 26 Mac depan

yang dianjurkan bagi mempromosi serta menyebarkan maklumat berkenaan pendidikan sedia ada dan baharu yang ditawarkan oleh universiti awam, politeknik, kolej komuniti, institut latihan kemahiran awam, bahagian matriculasi dan institusi lain bagi sesi akademik 2017/2018.

Tambah UTHM, seminar kemasyarakatan pelajar menerusi slot *career talk* yang dikendalikan Angkasawan Kedua Negara, Dr. Faiz Khaleed daripada Program

Angkasawan Negara turut dianjurkan dan persembahan artis jemputan, Najwa Latif serta persembahan kebudayaan melibatkan mahasiswa UTHM.

“Selain itu, karnival berkenaan menyaksikan pameran pendidikan melibatkan lebih 150 universiti awam dan swasta serta pelbagai agensi, pemeriksaan kesihatan percuma, pertandingan kuiz, pameran badan beruniform, *food truck* dan keusahawanan pelajar,” ujarnya.